

Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy, Vol. 40 (1) (July 2013): 116-132
@ School of History, Politics & Strategy, UKM; ISSN 2180-0251 (electronic), 0126-5644 (paper)

SITI NORANIZAH HAFIZAH Boyman
JAYUM Anak Jawan
Universiti Putra Malaysia

KAJIAN LAPORAN PENAMBAHBAIKAN SURUHANJAYA PILIHAN RAYA: SATU PANDANGAN

STUDY ON THE REPORT ON THE IMPROVEMENT OF THE ELECTION COMMISSION: A VIEW

Artikel ini bertujuan mengkaji kerja dan syor yang terkandung dalam laporan Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung Penambahbaikan Proses Pilihanraya (JPKPPP) yang telah ditubuhkan pada 3 Oktober 2011. Kajian ini dilakukan dengan meneliti laporan dan dokumen berkaitan, iaitu Laporan Penambahbaikan DR. 3 Tahun 2011 dan DR. 1 Tahun 2012. Perbandingan ringkas juga dilakukan berasaskan pengalaman di beberapa negara terpilih. Dari itu, artikel ini memberi saranan untuk memperkasakan lagi proses pilihan raya di Malaysia.

Katakunci: *Suruhanjaya Pilihan Raya, penambahbaikan SPR, Jawatankuasa Pilihan Khas SPR, pilihan raya, pelaksanaan pilihan raya*

This article reviews the work and recommendations of the report of the Special Select Committee to Improve the Electoral Process which was established on 3 October 2011, with specific reference to the Improvement Report DR. 3 Year 2011 and DR. 1 Year 2012. Following an analysis of the above, this article also compare Malaysian electoral experiences with those of other countries in the region, and, as a result, concludes with recommendations to strengthen the electoral process in Malaysia.

Keywords: *Election Commission, improvement to the election commission, Special Select Committee on the Election Commission; elections, conduct of elections*

Pengenalan

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) merupakan agensi kerajaan yang bertanggungjawab menjalankan pilihan raya di Malaysia. Antara tanggungjawab utamanya ialah membuat kajian dan persempadanan, menjalankan urusan pendaftaran pemilih dan menjalankan pilihan raya umum dan pilihan raya kecil. Selain itu, dasar SPR juga adalah untuk memelihara, menyelia dan mengekalkan proses demokrasi di negara ini melalui pilihan raya

yang bebas dan adil.

Namun, di media-media alternatif SPR dilaporkan tidak adil dan telus di dalam menjalankan pilihan raya. Pelbagai isu-isu negatif dikaitkan dengan SPR antaranya isu daftar pemilih, undi pos, persempadanan, pengundi hantu, peningkatan petugas SPR untuk PRU 13 dan akses media yang tidak adil.¹ Justeru, kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa khas untuk menambahbaik proses pilihan raya dan mengembalikan semula keyakinan rakyat terhadap SPR.

Maka, artikel ini menilai syor-syor yang dicadangkan oleh jawatan khas tersebut yang dikenali sebagai Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (JPKPPP) untuk dilaksanakan oleh SPR. Selain itu, artikel ini juga memberi idea-idea dan cadangan untuk membaiki kelemahan-kelemahan syor yang sedia ada, selain memasukkan cadangan-cadangan yang baharu.

Latar Belakang

Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (JPKPPP) telah ditubuhkan melalui usul yang diluluskan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat pada 3 Oktober 2011.² Penubuhannya untuk mengkaji proses pilihan raya yang adil dan memperkukuhkan lagi SPR. JPKPPP telah meneliti perkara-perkara yang merangkumi lima (5) bahagian utama iaitu undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pilihan raya Malaysia, proses pilihan raya, usaha-usaha untuk menambah baik daftar pemilih, memperkukuhkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dan mengkaji sistem alternatif lain dalam mengadakan pilihan raya.

Ahli JPKPPP yang dilantik terdiri daripada sembilan (9) Ahli Dewan Rakyat yang mewakili Barisan Nasional (BN), parti pembangkang dan bebas. Mereka ialah YB Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili³ sebagai Pengerusi, YB Dato' Seri Mohd Radzi bin Sheikh Ahmad⁴ YB Tan Sri Dr. Fong Chan Onn⁵, YB Datuk Alexander Nanta Linggi⁶ YB Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan,⁷ YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali⁸, YB Tuan Loke Siew Fook,⁹ YB Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli¹⁰ dan YB Tuan Wee Choo Keong.¹¹ Tempoh masa pelantikan JPKPPP adalah selama enam (6) bulan.

JPKPPP telah menggunakan pelbagai kaedah untuk mendapatkan maklumat, cadangan dan pandangan berhubung proses pilihan raya. Antaranya ialah mengadakan sesi pendengaran awam,¹² menerima pandangan dari emel melalui laman web Parlimen serta portal *MyIdeas*, siri prosiding mesyuarat Jawatankuasa dan agihan tugas melalui pembentukan lima (5) Jawatankuasa Kecil untuk menyelesaikan isu-isu berbangkit berhubung dengan proses pilihan raya. Mereka juga mengadakan lawatan kerja ke United Kingdom, Jerman dan Denmark dari 21 hingga 28 Februari 2012 bertujuan mendapatkan pendedahan sistem pilihan raya yang dijalankan dalam usaha untuk menambah

baik sistem pilihan raya di Malaysia.

Selepas dua sesi pendengaran awam diadakan, JPKPPP menyediakan Laporan DR. 3 Tahun 2011¹³ berhubung dengan penambahbaikan proses pilihan raya yang dibentang dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 1 Disember 2011. Laporan tersebut mengandungi 10 syor awal berkaitan penggunaan dakwat kekal, pengundian awal, pengundi tidak hadir luar negara, pengundi luar kawasan, penukaran kawasan pendaftaran (alamat pusat mengundi), pembersihan daftar pemilih, pameran Rang Daftar Pemilih Tambahan, ketelusan proses mengundi, penambahbaikan proses pencalonan dan pengukuhan SPR.¹⁴

Setelah itu, JPKPPP meneruskan usaha-usahanya dengan mengadakan mesyuarat sebanyak lapan (8) kali, meneruskan mendapatkan pandangan daripada sesi pendengaran awam, mengambil maklum balas daripada ahli-ahli JPKPPP, mengumpulkan rumusan hasil penelitian semua Jawatankuasa Kecil dan pemerhatian semasa lawatan kerja. Hasil daripada itu, JPKPPP telah dapat mengenal pasti 22 syor bagi menambah baik proses pilihan raya yang terkandung dalam Laporan DR. 1 Tahun 2012.¹⁵

Walau bagaimanapun, tiga (3) orang ahli JPKPPP memohon supaya penyata minoriti dimasukkan untuk memberikan ruang kepada suara minoriti melaporkan pandangan dan cadangan mereka yang tidak dipersetujui oleh majoriti dalam Jawatankuasa.¹⁶ Namun, permohonan ini ditolak. Selain itu, pada 28 April 2012 yang lalu perhimpunan BERSIH 3.0 telah diadakan kerana dikatakan turut tidak berpuas hati dengan syor-syor JPKPPP.¹⁷ Justeru, artikel ini akan meneliti syor-syor yang dikemukakan oleh JPKPPP dan kemudian memaparkan kelemahan-kelemahan yang ada serta memberikan idea yang tidak ada di dalam cadangan tersebut untuk menambahbaik syor-syor tersebut.

Syor Dipersetujui JPKPPP

Syor-syor yang dipersetujui oleh Ahli JPKPPP boleh dibahagikan kepada lima (5) bahagian iaitu perundangan dan pindaan peraturan, menambah baik proses pilihan raya, meningkatkan mutu daftar pemilih, memperkukuhkan kedudukan SPR dan persempadanan, pembiayaan politik dan sistem alternatif.

Bahagian perundangan dan pindaan peraturan mengesyorkan cadangan yang merangkumi memberi kemudahan kepada rakyat Malaysia di luar negara sama ada mengundi di Perwakilan Malaysia atau secara pos, memberi kemudahan mengundi secara pos kepada petugas SPR dan media, pengundi luar kawasan, membenarkan prapendaftaran seseorang warganegara untuk didaftarkan sebagai pemilih apabila mencapai umur 20 tahun, tarikh pembubaran Parlimen, kerajaan sementara (*caretaker government*) dan penguatkuasaan peraturan sedia ada berhubung kesalahan memberikan maklumat palsu dalam urusan pendaftaran.

Manakala bahagian kedua berkenaan dengan menambah baik proses pilihan raya, bahagian ini hanya mencadangkan dua (2) perkara iaitu

memanjangkan tempoh berkempen dan akses media yang bebas dan saksama. Bahagian seterusnya ialah meningkatkan mutu daftar pemilih. Antara syor-syor yang dicadangkan ialah pembersihan daftar pemilih yang berterusan, penelitian daftar pemilih bagi alamat-alamat yang mempunyai ramai pemilih berdaftar, bantahan terhadap daftar pemilih yang telah diperakui melalui aduan atau maklum balas daripada parti politik, pertubuhan bukan kerajaan dan sebagainya, kajian ke arah pendaftaran secara automatik dan penggunaan alamat selain alamat mastautin pada kad pengenalan sebagai alamat pendaftaran untuk menentukan bahagian pilihan raya.

Sementara itu, bahagian memperkukuhkan kedudukan SPR dan persempadanan telah mencadangkan supaya memperkasakan kedudukan SPR, penstrukturan dan pengukuhan SPR, memperluaskan Akademi Pilihan Raya dan pengasingan fungsi utama SPR. Bahagian yang terakhir adalah pembiayaan politik dan sistem alternatif. JPKPPP telah mencadangkan pengagihan kerusi Dewan Rakyat bagi negeri Sabah dan Sarawak seimbang dengan Semenanjung, persempadanan bahagian pilihan raya yang seimbang, peruntukan dana kepada parti politik dan sistem pilihan raya baharu.

Walau bagaimanapun, daripada 22 syor yang dicadangkan, terdapat empat (4) syor yang tidak mendapat persetujuan sebahagian ahli.¹⁸ Syor-syor tersebut ialah memberi kemudahan mengundi secara pos kepada petugas SPR dan media, mereka mencadangkan supaya petugas SPR dan media diberikan kemudahan mengundi awal. Yang kedua membenarkan prapendaftaran seseorang warganegara untuk didaftarkan sebagai pemilih apabila mencapai umur 20 tahun, mereka mencadangkan kelayakan seseorang warganegara untuk didaftarkan sebagai pemilih dipinda daripada 21 tahun kepada 18 tahun dan dibuat secara automatik apabila mencapai umur 18 tahun. Manakala yang ketiga berkaitan dengan memanjangkan tempoh berkempen (minimum 10 hari), mereka mencadangkan tempoh berkempen harus dilanjutkan kepada minimum 21 hari bagi membolehkan warganegara Malaysia di luar negara melaksanakan tanggungjawab mereka. Yang terakhir ialah kajian ke arah pendaftaran secara automatik, mereka mencadangkan pendaftaran secara automatik dilaksanakan serta merta.

Kelemahan Syor dan Idea Menambahbaik

Bahagian ini membincangkan secara kritis syor-syor yang mempunyai kelemahan tertentu, kemudian diberikan idea untuk menambah baik serta mencadangkan perkara-perkara yang tidak ada dalam syor tersebut.

Mengundi Secara Pos Petugas SPR dan Media-Syor 2 (Bahagian Perundangan dan Pindaan Peraturan)

JPKPPP dalam syornya kedua mencadangkan SPR perlu melantik lebih

petugas pilihan raya daripada tempat mereka mengundi supaya dapat mengurangkan bilangan petugas yang perlu mengundi secara pos. Selain itu, JPKPPP mengesyorkan petugas media diberi kemudahan mengundi secara pos menurut Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos), 2003.

Namun, cadangan JPKPPP yang melibatkan undi pos ini sangat terhad serta tidak dinyatakan secara terperinci tatacara perlaksanaannya. Kemudian JPKPPP tidak mencadangkan kaedah pengundian awal yang lebih diyakini rakyat Malaysia.

Di Malaysia, keyakinan dan kepercayaan kepada undi pos adalah sangat rendah, berbanding di Jerman yang mempunyai 21.4% pengundi pos daripada jumlah keseluruhan 62 juta pengundi. Tahap kepercayaan mereka kepada undi pos adalah begitu tinggi.¹⁹ Begitu juga di Oregon, Amerika Syarikat, pelaksanaan pengundian melalui pos telah dijalankan secara berperingkat-peringkat bermula dengan pilihan raya tempatan yang diadakan dalam tahun 1981 sehinggalah digunakan sepenuhnya dalam semua jenis pilihan raya dalam tahun 2002.²⁰ Namun, situasi ini berbeza di Malaysia.

Oleh itu, artikel ini mencadangkan SPR meneliti semula prosedur dan tatacara pengundian pos supaya lebih diyakini dan mendapat kepercayaan rakyat. Antara perkara-perkara yang perlu diteliti ialah menambahkan dari segi perlaksanaannya dengan meletakkan pemantau pilihan raya selain wakil calon (ejen calon). Dicapangkan pemantau pilihan raya terdiri daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) selain menempatkan pegawai SPR sebagai saksi pengundian. Setelah selesai proses pengundian, terdapat dua kaedah untuk mengelakkan berlakunya undi pos diragui. Pertamanya, pemantauan dilakukan sewaktu penghantaran uncang undi pos ke tempat pusat pengumpulan undi atau di tempat pengiraan undi. Keduanya, pengiraan langsung di buat di setiap pusat pengundian pos dengan adanya setiap wakil calon dan juga pemantau pilihan raya. Tujuan utamanya adalah untuk mengelakkan persepsi buruk yang mengatakan undi pos yang tidak bertuan atau tidak hadir ini akan dipangkah ketika uncang berkenaan dikumpul untuk dibawa di hari pengundian.²¹

Selain itu, artikel ini juga mencadangkan SPR menggunakan alternatif yang lebih diyakini iaitu kaedah sistem pengundian awal. Kaedah pengundian awal adalah untuk pemilih yang tidak dapat mengundi pada hari mengundi.²² Skop yang terlibat dengan pengundian awal ini boleh diperluaskan bukan sahaja kepada Petugas SPR dan Media tetapi kepada doktor, jurarawat, pesakit, individu yang perlu ke luar negara dan lain-lain profesion yang tidak dapat mengundi pada hari mengundi. Manakala tatacara perlaksanaannya ialah pengundian awal akan dijalankan tiga (3) hari sebelum hari mengundi biasa. Pemilih yang telah mendaftar untuk mengundi awal pula akan mengetahui pusat mengundinya melalui kad pengundi yang dihantar oleh SPR.

Dijangkakan sekiranya reformasi undi pos dan pengundian awal ini dilaksanakan, tahap keyakinan rakyat terhadap proses pilihan raya akan semakin meningkat. Selain itu, proses pengundian juga lebih lancar.

Akses Media yang Bebas dan Saksama-Syor 9 ***(Bahagian Menambah Baik Proses Pilihan Raya)***

Dalam syor ke-9, JPKPPP mencadangkan SPR meneliti Fasal (2) Perkara 115 Perlembagaan Persekutuan yang boleh meminta pihak berkuasa awam untuk memberikan apa-apa bantuan yang dapat dilaksanakan kepada Suruhanjaya dalam menunaikan tugasnya, termasuk Kementerian dan agensi berkaitan berhubung dengan hal perkara yang melibatkan akses media yang bebas dan saksama kepada semua parti dan calon yang bertanding dalam sesuatu pilihan raya.

Walaupun bagaimanapun, JPKPPP tidak memperincikan bagaimana akan dilaksanakan dan bila boleh dilaksanakan. Sekiranya diteliti untuk syor yang ke-9 ini tidak melibatkan pindaan peraturan pilihan raya, maka ia boleh dilaksanakan dalam jangka masa pendek.

Oleh itu, artikel ini memberikan dua cadangan untuk melaksanakan akses media yang bebas dan saksama kepada semua parti dan calon yang bertanding dalam sesuatu pilihan raya. Pertama, menggunakan agensi kerajaan yang sedia ada iaitu Jabatan Penerangan Malaysia (JPM) yang berada di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan. Walaupun JPM salah satu agensi kerajaan, mereka harus saksama dan tidak boleh mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang berpihak kepada kerajaan. Maka, dicadangkan untuk mewujudkan satu undang-undang yang boleh mendakwa mereka sekiranya dilihat berat sebelah, ini kerana agensi ini mesti dilihat sebagai satu badan bebas untuk diteliti oleh rakyat.²³

Cadangan yang kedua ialah SPR boleh melantik satu Badan Penimbang Tara Penyiaran.²⁴ Badan ini bertanggungjawab membahagi-bahagikan masa siaran berbayar dan percuma kepada semua parti dan calon yang bertanding dalam pilihan raya. Mereka juga akan menyelesaikan perbalahan yang ditimbulkan oleh parti-parti politik berhubung dengan pembelian masa iklan dalam media semasa pilihan raya. Sementara itu, Badan Penimbang Tara Penyiaran akan menyediakan garis panduan mengenai tanggungjawab badan penyiaran dalam menyediakan masa siaran media kepada semua parti-parti politik dan calon semasa tempoh berkempen.

Hasil daripada kedua-dua cadangan daripada artikel ini, akan menyediakan satu platform persaingan pilihan raya yang setara. Apabila kedua-dua ruang wujud secara saksama, maka mereka boleh bertanding di padang yang sama rata. Cadangan ini memberi peluang kepada rakyat meneliti usul yang di bawa dan memilih calon dan parti yang benar-benar berwibawa. Akhirnya akan menyuburkan lagi proses demokrasi dan menjadikan pengundi di Malaysia lebih matang dalam membuat keputusan undi mereka.

Kajian Ke Arah Pendaftaran Secara Automatik-Syor 13 (Bahagian Meningkatkan Mutu Daftar Pemilih)

JPKPPP bercadang untuk melaksanakan pendaftaran pemilih secara automatik bagi warganegara yang mencapai umur 21 tahun dalam syornya yang ke-13. Namun, syor tersebut hanya boleh dilaksanakan dalam jangka masa panjang memandangkan usaha pembersihan daftar pemilih secara keseluruhan perlu diutamakan. Siasatan lanjut mengenai daftar pemilih yang diragui seperti yang dibangkitkan di negeri Sabah serta syor Jawatankuasa berhubung dengan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja perlu dilaksanakan supaya mencapai matlamat daftar pemilih yang diyakini oleh semua pihak sebelum terlaksananya cadangan pendaftaran secara automatik. JPKPPP mengesyorkan SPR membuat kajian dan mengambil tindakan dalam tempoh 12 bulan bagi membolehkan cadangan ini dilaksanakan pada masa hadapan.

Walau bagaimanapun, JPKPPP tidak memperincikan bagaimana prosedur atau cara pendaftaran secara automatik ini boleh diyakini oleh semua pihak. Selain itu, tidak dimasukkan anggaran masa perlaksanaannya. Oleh itu, artikel ini mencadangkan supaya diwujudkan Data Pemilih Kebangsaan (DPK).²⁵ DPK akan diletakkan di bawah tanggungjawab SPR. Walau bagaimanapun, untuk mewujudkan DPK yang diyakini, peranan Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) begitu signifikan sekali. JPN perlu menghantar maklumat kepada SPR sekiranya berlaku pertukaran alamat, kematian dan sebagainya. Jika dibandingkan dengan sistem di Oregon, Amerika Syarikat, Jabatan Pengangkutan memainkan peranan yang penting dalam proses pengemaskinian maklumat pemilih. Jabatan berkenaan akan menghantar salinan borang tukar alamat rekod lesen pemandu pemilih ke Pejabat Pilihan Raya Oregon yang kemudiannya digunakan untuk mengkemaskini alamat pemilih dalam daftar pemilih. Oleh kerana di Malaysia menggunakan MyKad, dan tidak semua rakyat Malaysia yang layak mengundi mempunyai lesen memandu maka kerjasama secara langsung di antara SPR dan JPN perlu diadakan bagi melancarkan proses pengemaskinian pemilih.

Setelah itu, baharulah SPR boleh mewujudkan pendaftaran secara automatik dengan lebih tersusun dan terancang. Apabila cukup sahaja umur 21 tahun, JPN akan menghantar secara automatik nama mereka kepada SPR untuk nama mereka dimasukkan di dalam daftar pemilih. Namun dicadangkan lebih baik sekiranya, pihak SPR dapat menghantar borang pendaftaran dan sampul surat bersetem kepada warganegara yang akan mencapai umur kelayakan untuk menjadi pemilih melalui pos. Borang yang dihantar kepada bakal pemilih mengandungi soal selidik untuk menentukan orang itu adalah warganegara Malaysia dan berumur 21 tahun dan ke atas dan borang pendaftaran pemilih yang telah diisi dengan maklumat pemilih. Jika pemilih berkenaan bersetuju supaya namanya dimasukkan ke dalam DPK maka pemilih akan

menandatangani borang tersebut dan menghantar semula kepada SPR.²⁶

Cadangan ini menjangkakan, hasil daripada wujudnya DPK dan kerjasama secara rasmi JPN dan SPR akan melicinkan lagi proses pengemaskinian daftar pemilih. Selain itu, dengan perkhidmatan menghantar borang pendaftaran kepada warganegara yang akan mencapai umur kelayakan adalah memudahkan bakal-bakal pemilih baharu. Kaedah ini merupakan satu inisiatif yang lebih komprehensif dan menjadikan perkhidmatan SPR lebih mesra rakyat dan diyakini.

Memperluaskan Akademi Pilihan Raya-Syor 17 (Bahagian Penstrukturan & Pengukuhan SPR) Akademi Pilihan Raya

JPKPPP telah mencadangkan syor yang ke-17 untuk memperluaskan Akademi Pilihan Raya. Cadangan tersebut meminta Kerajaan menambah sumber manusia, peruntukan kewangan dan kemudahan Akademi Pilihan Raya bagi memastikan matlamat penubuhan Akademi Pilihan Raya, khususnya dalam memberi pendidikan kepada semua pihak yang terlibat dalam proses pilihan raya termasuklah warganegara Malaysia tentang hak mengundi dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

Walau bagaimanapun, JPKPPP tidak memperincikan bagaimana program atau projek yang akan dilaksanakan khususnya dalam memberi pendidikan kepada pengundi dan seluruh warga Malaysia tentang hak mengundi.²⁷ Selain itu, tiada matlamat dan perancangan jangka masa tertentu yang ditetapkan oleh JPKPPP.

Oleh itu, artikel ini mencadangkan supaya diwujudkan Program Pendidikan Pengundi.²⁸ Walaupun kelihatan seperti kurang penting, namun ia adalah asas kepada warganegara yang matang dalam membuat pemilihan dan keputusan. Selari dengan matlamat utama program ini untuk memupuk minat, pengetahuan dan memberi kemahiran untuk menjadi warganegara berkesan kepada generasi muda dan memberi mereka peluang merasai amalan sebenar proses demokrasi. Justeru, program ini perlu dimulakan pada peringkat sekolah dengan mengadakan Pilihan Raya Peringkat Sekolah. Program ini akan dijalankan melalui pembelajaran dalam kelas untuk pelajar, dialog bersama ibu bapa dan keluarga dan penggunaan media. Manakala, pelaksanaan pilihan raya peringkat sekolah adalah serentak dengan Pilihan Raya Umum yang diadakan oleh Kerajaan dan mengundi menggunakan kertas undi rasmi pilihan raya.

Cadangan ini menjangkakan, hasil daripada program ini dapat meningkatkan pengetahuan dan kefahaman generasi muda mengenai proses pilihan raya, meningkatkan rasa tanggungjawab sosial, meningkatkan perbincangan di dalam keluarga mengenai pilihan raya dan meningkatkan daya pemikiran kritikal dan kemahiran untuk membuat keputusan.²⁹

Lembaga Penasihat

Selain itu, JPKPPP turut mengesyorkan suatu Lembaga Penasihat yang dianggotai oleh pelbagai parti politik dan wakil NGO bagi memberi pandangan dan nasihat kepada Akademi Pilihan Raya. Namun dalam cadangan ini ahli akademik tidak dimasukkan sebagai salah seorang anggota dalam Lembaga Penasihat. Selain itu, tiada jangkamasa tertentu bila akan ditubuhkan.

Ahli akademik perlu di masukkan sebagai anggota Lembaga Penasihat. Beberapa sebab perlunya ahli akademik menjadi anggota Lembaga Penasihat pertama ialah, boleh menggunakan kepakaran ahli akademik dalam memberi pandangan atau idea kepada Akademi Pilihan Raya tentang program-program yang sesuai dilaksanakan. Kedua, sebelum sesuatu program atau projek dilaksanakan, perlu ada penyelidikan, justeru peranan ahli akademik diperlukan bagi memastikan penyelidikan itu dijalankan dengan cara yang betul untuk menghasilkan keputusan yang tepat.

Cadangan ini menjangkakan, hasil daripada kemasukkan ahli akademik sebagai anggota Lembaga Penasihat ialah dapat meningkatkan fungsi Akademi Pilihan Raya serta program atau projek-projek yang dijalankan berkesan dan mencapai matlamatnya.

Perwakilan Universiti

(Cadangan Baharu-Bahagian Pembiayaan Politik dan Sistem Alternatif)

Meletakkan perwakilan universiti untuk kawasan universiti ke Parlimen. Cadangan ini adalah idea baharu dan boleh dipertimbangkan untuk dimasukkan ke dalam bahagian pembiayaan politik dan sistem alternatif. Idea utama mewujudkan perwakilan universiti ke parlimen adalah untuk mewakili universiti tanpa melibatkan mana-mana parti politik. Bukan itu sahaja, ia merupakan satu hubungan yang strategik kerana membawa akademik ke Parlimen. Justeru, polisi dan dasar yang digubal lebih terarah untuk kepentingan universiti dan pelajar malahan rakyat keseluruhannya tanpa melibatkan kepentingan kepada parti-parti politik.

Perbezaan utama perwakilan universiti di England, Ireland dan Amerika Utara dengan yang dicadangkan di Malaysia ialah perwakilan universiti ke Parlimen di Malaysia tidak melibatkan mana-mana parti politik dan lain-lain pengaruh seperti agama, bangsa atau budaya tertentu.³⁰ Maka matlamat utamanya ke parlimen akan lebih tertumpu kepada kepentingan universiti, pelajar serta rakyat secara optimum.

Dicadangkan, syarat untuk melayakkan universiti mempunyai wakil ke parlimen haruslah sekurang-kurangnya mempunyai 30 ribu anggota termasuk pekerja dan pelajar. Manakala, pengundi yang layak mengundi adalah melibatkan pekerja dan pelajar universiti tersebut sahaja. Sementara, calon-calon yang layak bertanding untuk wakil universiti ke parlimen adalah

di kalangan pekerja universiti sahaja tanpa mengira gred jawatan mereka.

Secara ringkas, tatacara pelaksanaannya adalah seperti melaksanakan pilihan raya kampus. Walau bagaimanapun, ia diadakan serentak dengan PRU dalam negara. Namun, ia bebas dari parti politik. Cadangan ini boleh diperhalusi lagi sekiranya ia dapat dipertimbangkan oleh SPR untuk dilaksanakan.

Perlantikan Ahli SPR

(Cadangan Baharu-Bahagian Penstrukturan & Pengukuhan SPR)

Bagi menolak dakwaan tentang ketidakbebasan SPR, artikel ini mencadangkan pelantikan semua ahli SPR dicadangkan oleh parti yang memerintah dari kalangan tokoh nasional yang bersih (tiada rekod jenayah, pecah amanah dan lain-lain kes yang boleh menjejaskan integriti seseorang). Kemudian, semua calon ini dikemukakan kepada parlimen untuk pengesahan kedua-dua dewan. Hanya calon-calon yang disahkan oleh parlimen akan dikemukakan kepada Majlis Raja-Raja untuk persetujuan. Akhir sekali, nama-nama yang dipersetujui oleh Majlis Raja-Raja dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk pelantikan. Selain itu, SPR perlu diletakkan dan bertanggungjawab terus kepada Parlimen bagi memastikan isu kebebasan SPR tidak lagi dipersoalkan.

Ada pelbagai cara yang digunakan oleh negara-negara lain untuk memastikan anggota yang menjalankan pilihan raya bertindak bebas. Contohnya di Kanada, perlantikan anggota yang menjalankan pilihan raya dilantik melalui satu resolusi di *House of Commons*, dan semua parti yang ada wakil di *House of Commons* boleh terlibat dalam proses pemilihan tersebut.³¹ Manakala di Amerika Syarikat pula, Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya Amerika yang terdiri daripada enam (6) orang anggota di lantik oleh Presiden atas nasihat dan persetujuan Dewan Senat Amerika Syarikat.³²

Justeru, cadangan pelantikan semua ahli SPR dicadangkan oleh parti yang memerintah dari kalangan tokoh nasional yang bersih dan mengikut prosedur seperti yang dijelaskan merupakan satu alternatif yang boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan di Malaysia. Cadangan ini mempunyai potensi yang tinggi untuk berjaya membawa perubahan kepada penstrukturan dan pengukuhan semula SPR serta matlamatnya yang utama iaitu penambahbaikan proses pilihan raya. Maka, cadangan ini adalah satu usaha yang akan dapat mengembalikan semula keyakinan rakyat terhadap integriti SPR. Oleh itu, sekiranya cadangan ini dapat dipertimbangkan, ia akan membawa banyak kebaikan kepada banyak pihak terutamanya SPR dan kerajaan yang memerintah pada masa ini. Cadangan ini dapat membersihkan imej dari isu-isu³³ negatif yang dikaitkan dengan mereka.

Kesimpulan

Penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (JKPPPP) merupakan satu inisiatif yang baik sebagai langkah meningkatkan kepercayaan dan keyakinan rakyat terhadap integriti SPR dan proses pilihan raya di Malaysia. Penubuhannya adalah untuk mengkaji proses pilihan raya yang adil serta memperkukuhkan SPR. Hasilnya, JKPPPP telah mengesyorkan cadangan-cadangan yang positif untuk dilaksanakan oleh SPR pada PRU akan datang.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa syor seperti yang diuraikan sebelum ini mempunyai kelemahan-kelemahan asas yang terlepas pandang seperti tidak menetapkan tempoh masa pelaksanaan syor, tiada perincian pelaksanaan syor, tiada prosedur serta tatacara syor dan ada yang tidak dimasukkan di dalam syor. Oleh itu, artikel ini telah memberikan beberapa idea baharu sebagai cadangan yang boleh di masukkan ke dalam syor-syor tersebut.

Secara keseluruhannya, dengan tambahan idea-idea baharu yang dicadangkan, menjadikan syor-syor JKPPPP ini lebih menyeluruh dan komprehensif untuk merealisasikan proses pilihan raya yang lebih adil dan mengembalikan semula integriti SPR.

Nota Akhir

1. Lihat lanjut di <http://www.malysiakini.com/news/157436>. Akses 01 Jun 2012; <http://misaimerah.blogspot.com/2011/08/terbukti-undi-pos-penipu.html>. Akses 01 Jun 2012; <http://aliran.com/9317.html>. Akses 07 Jun 2012; <http://aliran.com/9317.html>. Akses 07 Jun 2012; <http://roketkini.com/2012/05/30/> Akses: 10 Jun 2012; <http://www.keadilandaily.com/?p=37497>. Akses: 10 September 2012; <http://batutepijalan.blogspot.com/2012/10/kantoi-lagi-bukti-spr-tidak-telus.html>. Akses: 22 November 2012; dan <http://www.keadilandaily.com/?p=26992>. Akses: 22 November 2012.
2. <http://www.parlimen.gov.my/files/billindex/pdf/2012/DR032012.pdf>. Akses: 08 Mei 2012.
3. Ahli Parlimen bagi Kawasan Kota Marudu (BN/PBS) dan pada waktu sama Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia.
4. Ahli Parlimen bagi Kawasan Kangar (BN/UMNO).
5. Ahli Parlimen bagi Kawasan Alor Gajah (BN/MCA).
6. Ahli Parlimen bagi Kawasan Kapit (BN/PBB).
7. Ahli Parlimen bagi Kawasan Hulu Selangor (BN/MIC).
8. Ahli Parlimen bagi Kawasan Gombak (pembangkang/PKR).
9. Ahli Parlimen bagi Kawasan Rasah (pembangkang/ DAP).

10. Ahli Parlimen bagi Kawasan Kuala Krai (pembangkok/ PAS).
11. Ahli Parlimen bagi Kawasan Wangsa Maju (Bebas).
12. Sebanyak enam siri pendengaran awam telah diadakan bermula di Kuala Lumpur (11-12 November 2011), Kota Kinabalu (25-26 November 2011), Kuching (8-9 Disember 2011), Pulau Pinang (15-16 Disember 2011), Kota Bharu (7-8 Januari 2012) dan berakhir di Johor Bahru(12-13 Januari 2012). Dalam sesi pendengaran awam tersebut, sejumlah 106 persatuan/pertubuhan berdaftar serta individu telah membentangkan pandangan dan cadangan di hadapan Jawatankuasa.
13. Laporan DR. 3 Tahun 2011 adalah laporan pertama yang disediakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya selepas sebulan penubuhannya. <http://www.parlimen.gov.my/files/billindex/pdf/2012/DR032012.pdf>. Akses: 08 Mei 2012.
14. Lihat lanjut *Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (DR. 3 TAHUN 2011)*. <http://www.parlimen.gov.my/files/billindex/pdf/2012/DR032012.pdf>. Akses: 08 Mei 2012.
15. Laporan DR. 1 Tahun 2012 adalah laporan akhir yang disediakan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya dalam tempoh enam bulan penubuhannya. http://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/DR_1TAHUN2012a.pdf. Akses 08 Mei 2012.
16. http://www.keadilankini.com/index.php?option=com_content&view=article&id=252. Akses: 10 Mei 2012.
17. Lihat lanjut <http://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2012/05/18/bersih-3-0-true-test-of-peoples-power/>. Akses: 01 Jun 2012, <http://beritasemasa.com/update-bersih-30-28-april-2012>. Akses: 01 Jun 2012; dan <http://aliran.com/9317.html>. Akses: 07 Jun 2012.
19. Sebahagian ahli yang menolak ialah YB Tuan Mohamed Azmin bin Ali, YB Tuan Loke Siew Fook dan YB Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli.
20. Lihat lanjut *Laporan Prosiding Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya Bil.8*. <http://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/JPKPR-032012LaporanProsidingMesyuaratBil.8.pdf>. Akses: 28 Mei 2012.
21. Lihat lanjut *Laporan Lawatan Delegasi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ke Kanada dan Amerika Syarikat (Bhg. 2)*. http://www.naztech.my/spr.gov.my/images/stories/pdf/Laporan_Lawatan_Ke_Amerika_Syarikat_2.pdf. Akses:01 Jun 2012.
22. Pelbagai persepsi buruk undi pos boleh dilihat di laman web berikut; <http://bm.harakahdaily.net/index.php/berita-utama/4887-bekas-komando-tudm-pula-dedah-penipuan-undi-pos>. Akses: 1 Jun 2012;

- <http://misaimerah.blogspot.com/2011/08/terbukti-undi-pos-penipu.html>. Akses: 1 Jun 2012; <http://www.malysiakini.com/news/157436>. Akses: 1 Jun 2012; dan <http://www.keadilandaily.com/?p=19091>. Akses: 7 Jun 2012.
23. Idea ini diubah suai daripada kaedah pengundian awal yang dijalankan di New Zealand dan Kanada. Lihat lanjut *Unable to get to a polling place?* <http://www.elections.org.nz/voting/votingsub/unable-get-polling-place.html>. Akses: 20 November 2012 dan *Laporan Lawatan Delegasi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ke Kanada dan Amerika Syarikat (Bhg.1)*. http://www.naztech.myspr.gov.my/images/stories/pdf/LAPORAN_LAWATAN_KANADA_DAN_USA.pdf. Akses: 1 Jun 2012.
 24. Di Jerman, unit penerangan dalam jabatan cancellor bertanggungjawab memastikan akses media adil kepada semua calon dan parti yang bertanding pilihan raya, berjaya dilaksanakan. Lihat lanjut *Laporan Prosiding Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya Bil.8*. <http://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/JPKPR-6032012LaporanProsidingMesyuaratBil.8.pdf>. Akses: 28 Mei 2012; dan Schoenbach 1987:373- 394.
 25. Diubah suai daripada kaedah yang digunakan di Kanada. Lihat lanjut. *Laporan Lawatan Delegasi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ke Kanada dan Amerika Syarikat (Bhg.1)*. http://www.naztech.my/spr.gov.my/images/stories/pdf/LAPORAN_LAWATAN_KANADA_DAN_USA.pdf. Akses: 1 Jun 2012.
 26. Diubah suai daripada sistem yang digunakan di Oregon, Amerika Syarikat. Lihat lanjut *Laporan Lawatan Delegasi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ke Kanada dan Amerika Syarikat (Bhg. 2)*. http://www.naztech.my/spr.gov.my/images/stories/pdf/Laporan_Lawatan_Ke_Amerika_Syarikat_2.pdf. Akses: 1 Jun 2012.
 27. Kaedah pendaftaran secara automatik ini juga digunakan di Finland dan Kanada untuk memudahkan pemilih-pemilih baharu yang layak mengundi. Satu kaedah yang mesra rakyat.
 28. Sehingga bulan Jun 2012, 3.6 juta yang layak mengundi masih lagi belum berdaftar dengan SPR.
 29. Diubah suai daripada program pendidikan pengundi di New Zealand dan Kanada. Lihat lanjut. *Your voice, your choice: teaching units* <http://www.elections.org.nz/study/education-centre/schools/your-voice-your-choice-teaching-units.html>. Akses: 21 November 2012; dan *Laporan Lawatan Delegasi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ke Kanada dan Amerika Syarikat (Bhg.1)*. http://www.naztech.my/spr.gov.my/images/stories/pdf/LAPORAN_LAWATAN_KANADA_DAN_USA.pdf. Akses: 1 Jun 2012.

30. Di Kanada, projek ini telah dimulakan sejak tahun 2003. Pada pilihan raya umum tahun 2008 seramai 503,000 orang pelajar telah mengundi di dalam pilihan raya tersebut manakala seramai 500,000 orang pelajar telah mengundi di dalam PRU 2011 yang lalu. Manakala di New Zealand, pada PRU 2011 sebanyak 340 sekolah terlibat dan 46,000 pelajar telah mengundi di dalam program tersebut.
31. Perwakilan universiti telah wujud di England, Ireland dan Amerika Utara sejak abad 17 dan berkembang pesat pada abad 19 dan 20. Lihat buku Meisel (2011:1-197.)
32. Lihat lanjut <http://www.elections.ca/content.aspx?section=abo&lang=e>. Akses: 18 Julai 2012; dan *Laporan Lawatan Delegasi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ke Kanada dan Amerika Syarikat (Bhg.1)*. http://www.naztech.my/spr.gov.my/images/stories/pdf/LAPORAN_LAWATAN_KANADA_DAN_USA.pdf. Akses: 1 Jun 2012.
33. Tempoh perkhidmatan seseorang ahli adalah berperingkat-peringkat, iaitu selama enam (6) tahun. Seramai tidak lebih tiga (3) ahli Suruhanjaya Pilihan Raya Persekutuan (FEC) dilantik mewakili sesebuah parti politik. Ahli FEC akan memilih dua orang dalam kalangan mereka untuk menjawat jawatan sebagai Pengerusi dan Timbalan Pengerusi FEC. Lihat lanjut <http://www.fec.gov/members/members.shtml>. Akses: 18 Julai 2012.
34. Isu politik kotor, rasuah, permintaan reformasi sistem pilihan raya dan lain-lain boleh lihat lanjut di <http://bm.bersih.org/>. Akses: 12 Julai 2012; <http://www.malaysiakini.com/news/171887>. Akses: 12 Julai 2012; <http://www.keadilandaily.com/spr-enggan-buang-40000-pengundi-meragukan/>. Akses: 15 Julai 2012; dan <http://amenoworld.blogspot.com/2012/04/ini-ke-cawangan-di-mana-pengerusi-spr.html>. Akses: 15 Julai 2012.

Rujukan

- 3.6 juta pengundi belum daftar*. http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0605&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_01.htm [5 Jun 2012].
- Bekas komando TUDM pula dedah penipuan undi pos*. <http://bm.harakahdaily.net/index.php/berita-utama/4887> [1 Jun 2012].
- Belum tiba masanya untuk had dua penggal*. <http://www.theborneopost.com/2011/09/14/> [10 Jun 2012].
- Beermann, J.M. 2011. A skeptical view of a skeptical view of presidential term limits. *Connecticut Law Review* 43(4): 1105-1123. Dari <http://ezproxy.upm.edu.my:2149/pdf2526/pdf/2011/12T1/01May11/62804762> [10 Jun 2012].
- Bersih 3.0 28 April 2012. Pasca selepas demonstrasi. Apa kesudahannya?*

- <http://beritasemasa.com/update-bersih-30-28-april-2012> [1 Jun 2012].
- Bersih 3.0, a people's carnival*. <http://aliran.com/9317.html> [7 Jun 2012].
- Bersih 3.0 true test of people's power*. <http://www.freemalaysiatoday.com/category/opinion/2012/05/18/bersih-3-0-true-test-of-peoples-power/>. [1 Jun 2012].
- Elections Canada*. <http://www.elections.ca/content.aspx?section=abo&lang=e> [18 Julai 2012].
- English, A. 2003. Term limits in Arkansas: Opportunities and consequences. *Journal of State Government* 76 (4): 30-33. Atas talian <http://ezproxy.upm.edu.my:2149/pdf1315/pdf/2003/STM/01Sep03/12882058.pdf> [10 Jun 2012].
- Federal Election Commission*. <http://www.fec.gov/members/members.shtml> [18 Julai 2012].
- Had dua penggal untuk PM tidak adil*. <http://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2011/02/20/> [9 Jun 2012].
- Hentikan politik kotor – reformasikan sistem pilihan raya*. <http://bm.bersih.org/>. [12 Julai 2012].
- Ini ke cawangan di mana Pengerusi SPR jadi ahli UMNO?* <http://amenoworld.blogspot.com/2012/04/ini-ke-cawangan-di-mana-pengerusi-spr.html>. [15 Julai 2012].
- Kantoi!!! Lagi bukti SPR tidak telus!!!* <http://batutepejalan.blogspot.com/2012/10/kantoi-lagi-bukti-spr-tidak-telus.html>. [22 November 2012].
- Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (DR. 3 TAHUN 2011)*. <http://www.parlimen.gov.my/files/billindex/pdf/2012/DR032012.pdf>. [8 Mei 2012].
- Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya (DR. 1 TAHUN 2012)*. http://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/DR_1TAHUN2012a.pdf. [8 Mei 2012].
- Laporan Lawatan Delegasi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ke Kanada dan Amerika Syarikat (Bhg.1)*. http://www.naztech.my/spr.gov.my/images/stories/pdf/LAPORAN_LAWATAN_KANADA_DAN_USA.pdf. [1 Jun 2012].
- Laporan Lawatan Delegasi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ke Kanada dan Amerika Syarikat (Bhg.2)*. http://www.naztech.my/spr.gov.my/images/stories/pdf/Laporan_Lawatan_Ke_Amerika_Syarikat_2.pdf. [1 Jun 2012].
- Laporan Prosiding Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya Bil.8*. <http://www.parlimen.gov.my/images/webuser/jkuasa/JPKPR-6032012LaporanProsidingMesyuaratBil.8.pdf>. [28 Mei 2012].
- Meisel, J.P. 2011. Special Issue: Texts & Studies 4: Knowledge and Power:

- The Parliamentary Representation of Universities in Britain and the Empire. *Parliament History* 30(1): 1-197. Dari <http://www.lib.upm.edu.my/>. [16 Julai 2012].
- Pengerusi SPR tipu kata daftar pemilih M'sia paling bersih*. <http://www.keadilandaily.com/?p=37497>. [22 November 2012].
- Penyata Minoriti Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya*. http://www.keadilankini.com/index.php?option=com_content&view=article&id=252. [10 Mei 2012].
- PRU 13: SPR jangan main silap mata*. <http://bm.harakahdaily.net/index.php/berita-utama/3355-pru-13-spr-jangan-main-silap-mata> [22 November 2012].
- Schoenbach, K. 1987. The role of mass media in West German election campaigns. *Legislative Studies Quarterly* 12(3): 373-394. Dari: <http://www.jstor.org/stable/439811>. [20 November 2012].
- Sejarah penubuhan SPR*. http://www.spr.gov.my/index.php?option=com_content&view=article&id=68&Itemid=98 [22 November 2012].
- SPR enggan buang 40000 pengundi meragukan*. <http://www.keadilandaily.com/spr-enggan-buang-40000-pengundi-meragukan/>. [15 Julai 2012].
- SPR pindah undi secara haram menerusi belah bahagi*. <http://www.keadilandaily.com/?p=26992>. [22 November 2012].
- SPR tukar status 'Mismah'*. <http://www.malaysiakini.com/news/171887>. [12 Julai 2012].
- Terbukti undi pos penipu*. <http://misaimerah.blogspot.com/2011/08/terbukti-undi-pos-penipu.html>. [1 Jun 2012].
- Unable to get to a polling place?* <http://www.elections.org.nz/voting/votingsub/unable-get-polling-place.html>. [20 November 2012].
- Undi pos dibantah kerana proses meragukan- Suhaizan*. <http://www.keadilandaily.com/?p=19091>. [7 Jun 2012].
- Undi pos naik mendadak di Perak*. <http://www.malaysiakini.com/news/157436>. [1 Jun 2012].
- Wawancara: Di sebalik fitnah UMNO, rakyat di Pulau Pinang nikmati hasil pemerintahan adil dan bersih*. <http://roketkini.com/2012/05/30/> [10 Jun 2012].
- Your voice, your choice: teaching units*. <http://www.elections.org.nz/study/education-centre/schools/your-voice-your-choice-teaching-units.html>. [21 November 2012].

Nota Biografi

Siti Noranizahhafizah Boyman (emel: noranizah@fsk.upsi.edu.my/noranizah15@gmail.com) M.A. (UKM) ialah pensyarah di Jabatan Pengajian Kemasyarakatan & Kewarganegaraan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI); menjalankan penyelidikan dalam bidang politik pilihan raya dan politik perbandingan. Sebelum ini, pernah menjadi pensyarah di Kolej Yayasan Melaka dan mengajar kursus Kenegaraan dan Pengajian Malaysia; dan kini mengikuti pengajian Ph.D. dalam bidang politik dan kerajaan di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Jayum Anak Jawan (emel: jayum@upm.edu.my) Ph.D. (Hull,UK) ialah Profesor Kanan Politik dan Kerajaan di Universiti Putra Malaysia. Beliau mengajar Kenegaraan Malaysia dan Hubungan Etnik dan telah banyak membentang, menulis dan menerbit dalam bidang berkenaan. Beliau pernah menjadi profesor pelawat di University Hull, UK (2004 & 2005) dan di University Leeds, UK (2011). Beliau juga adalah Pengerusi Panel Pakar Pengajian Malaysia bagi Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Timbalan Ketua Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Majlis Profesor Negara (MPN); dan ahli Majlis Sains dan Penyelidikan Kebangsaan, Malaysia.